

PENDAFTAR
PERTUBUHAN

PASUKAN POLIS
DIRAJA BRUNEI



BERDAYA TAHAN

GARISPANDUAN DALAM
MELINDUNGI PERTUBUHAN
AWDA DARI ANCAMAN
PENYALAHGUNAAN
PEMBIAYAAN KEGANASAN

Pengenalan




Organisasi Bukan Berbentuk Keuntungan atau *Non-Profit Organisation* (NPO) berdepan dengan pelbagai risiko melibatkan pengubahan wang haram dan pembiayaan pengganasan, khususnya berdasarkan peranan NPO dalam aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan. Garispandu ini disediakan bagi tujuan membantu sektor NPO dalam memperkasa kedayatahanan untuk menghadapi ancaman pembiayaan pengganasan dengan cara meningkatkan kewaspadaan mengenainya.

Dengan cara ini, NPO dapat memastikan supaya segala tindakan dan langkah pengawalan dapat dilaksanakan dengan sewajarnya demi menentang ancaman entiti pengganasan yang berniat untuk menyalahguna sumbangan dana dan kerja amal yang dilaksanakan.

Financial Action Task Force (FATF) dalam hal ini mendefinisikan Pembiayaan Pengganasan sebagai eksplotasi penganas dan organisasi penganas ke atas NPO untuk mengumpul, membuat pemindahan dana, menyediakan bantuan prasarana / logistik, menggalakkan atau memudahcara penganas atau menyokong penganas atau kumpulan penganas dalam aktiviti keganasan.

PENCEGAHAN ADALAH PENTING.
Dengan adanya kedayatahanan sektor NPO dan bantuan pihak Kerajaan, ianya akan dapat membantu menghalang entiti penganas dari menyalahgunakan NPO dan aktiviti mereka.

Risiko



Risk Equation Model

Rajah ini menunjukkan hubungan antara ancaman dan kelemahan sesebuah organisasi yang menghasilkan risiko bakal dihadapi oleh NPO pada peringkat organisasi dan peringkat sektor.


Ancaman

FATF mendefinisikan Ancaman sebagai seseorang atau sekumpulan orang, dari segi tujuan atau aktiviti, berupaya untuk mengakibatkan kerosakan atau kemusnahan kepada sektor NPO.

Kelemahan

FATF mendefinisikan Kelemahan sebagai sesuatu perkara dapat dieksloitasi oleh ancaman pengganas atau apa-apa yang dapat memudahkan pengganas melakukan aktiviti. Kelemahan boleh wujud pada peringkat organisasi atau peringkat sektor tersebut. Kelemahan di peringkat organisasi adalah seperti NPO yang disalahguna oleh pelaku luaran atau dalaman. Manakala, kelemahan pada peringkat sektor pula dilihat dari segi kemasukan organisasi yang tidak sah (organisasi palsu) dan dibenarkan untuk beroperasi sekaligus mengambil kesempatan ke atas kelebihan menjadi sebuah organisasi yang sah.

Ancaman Pengganas



Pembentukan pengganasan terlibat dalam pembekalan bantuan logistik bertindak menggunakan dana untuk memenuhi keperluan logistik yang luas dimana ia merangkumi pengambilan ahli, pergerakan dan pemerolehan senjata.

The Interpretive Note of Recommendation 8 mengiktiraf perkara ini dengan menyatakan bahawa para pengganas serta organisasi pengganas bertindak untuk mengeksloitasi sektor NPO untuk mengumpul dan memindahkan dana, dengan menyediakan sokongan logistik, menggalakkan pengambilan ahli serta menyokong organisasi dan operasi pengganas.

Sektor NPO mempunyai beberapa kelemahan yang saling berhubungkait yang bakal dieksloitasi oleh ancaman pengganas. Ancaman-ancaman ini boleh dikategorikan seperti berikut:



Ancaman

01 Pengalihan Dana (Dalaman)

Pengalihan dana (dalaman) berlaku apabila sesebuah NPO, atau individu yang bertindak bagi pihak NPO mempunyai hasrat untuk menyokong pengganasan, mengalihkan dana kepada entiti yang diketahui atau disyaki adalah entiti penganas.

02 Pengalihan Dana (Luaran)

Pengalihan dana (luaran) berlaku apabila rakan gabungan kepada NPO, seperti pengumpul dana luar atau rakan kongsi asing, mengalihkan dana yang sepatutnya ditujukan ke sesebuah NPO.

03 Gabungan dengan Entiti Penganas

Gabungan dengan Entiti Penganas berlaku apabila sesebuah NPO atau individu yang bertindak bagi pihak NPO menjalin hubungan dengan organisasi penganas atau penyokong penganas.



Ancaman

04

Penyalahgunaan Program

Penyalahgunaan Program berlaku apabila program yang sepatutnya membiayai NPO bagi tujuan bantuan kemanusiaan yang sah dimanipulasi semasa pelaksanaan dengan menyokong pengganasan.

05

Sokongan Pengambilan Ahli

Sokongan untuk pengambilan ahli bagi kumpulan pengganas berlaku apabila program yang dibiayai NPO digunakan untuk mewujudkan persekitaran yang menyokong dan/atau mempromosikan aktiviti berkaitan pengambilan tersebut.

06

Penipuan/Penyamaran dan NPO palsu

Sesebuah penipuan / penyamaran berlaku apabila organisasi atau individu mengumpul dana dan/atau menjalankan aktiviti lain untuk menyokong pengganasan dengan cara berselindung atas nama penganjuran aktiviti-aktiviti kebajikan.



Kelemahan Operasi

Rangkaian Logistik yang Meluas

Rangkaian logistik adalah penting bagi kutipan, simpanan, pemindahan dan penghantaran sumber kepada di mana aktiviti NPO beroperasi. Dengan adanya rangkaian logistik yang meluas, ianya memberikan kemudahan kepada sektor NPO untuk mencapai jarak peroperasian yang lebih besar serta membolehkan NPO untuk mengadakan program ke setiap pelusuk dunia melalui pelbagai rakan kongsi. Namun, dengan adanya skop rangkaian logistik NPO yang sangat luas, pada masa yang sama ianya meningkatkan risiko bagi NPO dan rangkaian tersebut untuk digunakan secara tidak sah.

Dengan peningkatan jumlah individu yang terlibat, skop aktiviti yang lebih besar, serta boleh mencapai ke beberapa tempat di seluruh dunia, setentunya pengawalan sumber di setiap peringkat akan menjadi lebih mencabar. Bagi NPO yang terlibat dengan kerja-kerja kemanusiaan, rangkaian logistik pada kebiasaannya akan bergerak melalui kawasan-kawasan konflik atau di mana peraturan dalam sesebuah pengurusan adalah lemah.

Sehubungan dengan itu, NPO boleh sahaja terdedah ke pembekalan sumber melalui sektor kurang kawalan seperti servis penghantaran wang yang tidak mengikut peraturan. Kedua-dua aspek ini dapat meningkatkan risiko yang mana bantuan boleh dialihkan atau pelaksanaan program dapat dijejaskan.

Kelemahan Operasi

Tenaga Kerja Sementara

NPO sangat bergantung kepada sumber tenaga kerja sementara yang ramai dan kebanyakannya dari tenaga kerja ini terdiri dari para sukarelawan. Sifat NPO yang mempunyai sejumlah besar kakitangan yang bekerja secara sementara menjadikan pemeriksaan ke atas sukarelawan atau kakitangan baru sukar untuk dilaksanakan.

Tambahan pula, bagi NPO yang berskala kecil atau sederhana, penggunaan sumber tenaga kerja sementara ini akan mengurangkan daya tarikan dan pengekalan kakitangan atau sukarelawan yang mempunyai kepakaran teknikal dalam penilaian risiko, pematuhan dan perkara-perkara yang berkaitan dengan perundangan.

Tanpa adanya kepakaran dalam membuat penilaian risiko terhadap aktiviti dalam NPO dapat menjurus kepada risiko NPO disalahguna.



Kelemahan Operasi

Kapasiti Operasi

Sektor NPO mempunyai keupayaan serta kapasiti yang tinggi untuk beroperasi. Pihak FATF menerangkan bahawa NPO terdedah dengan bahaya pengganas kerana keupayaannya untuk mendapatkan sejumlah dana yang besar dan pada lazimnya, melibatkan wang tunai. Tambahan pula, NPO mempunyai kedudukan di peringkat global serta mempunyai rangka kerja bagi transaksi kewangan pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa; yang mana aktiviti transaksi ini boleh terjadi di dalam atau kawasan berdekatan dengan kegiatan pengganas.

Sumber pergerakan NPO adalah sangat intensif dan bersifat transnasional, ditambah dengan logistik yang berkaitan memberikan peluang yang sangat berharga kepada pergerakan pengganas seandainya ia dapat dieksloitasi. NPO dapat berhubung dengan orang ramai dengan cara yang unik, terutama sekali pada kawasan yang bergolak atau tempat di mana ada penduduk pelarian. Dengan mengeksloitasi kaedah akses yang unik ini memberikan kepada pengganas peluang untuk mengambil keahlian untuk pergerakan mereka dengan menggunakan sumber NPO yang sah atau aktiviti NPO yang telah dibenarkan.

Selain itu, aspek yang penting dalam kapasiti operasi NPO ialah kepercayaan orang ramai terhadap sektor tersebut. Oleh kerana NPO mendapat kepercayaan awam yang tinggi, pemeriksaan ke atas aktiviti NPO ada kalanya tidak tetap berbanding dengan sektor lain. Bagi entiti pengganas, untuk mengurangkan risiko pada operasi serta rangkaian logistik mereka, menumpang pada atau menyerupai seolah-olah NPO yang sah adalah antara jalan penyelesaian yang digemari oleh entiti pengganas.

Kelemahan Operasi

Budaya Organisasi

Faktor terakhir mengenai kelemahan NPO ialah budaya organisasi. Penekanan harus dibuat khusus pada kepentingan nilai-nilai dalam NPO itu sendiri. Kelemahan menegakkan nilai tersebut boleh menyumbang ke NPO yang lemah dalam membuat keputusan dan pengurusan risiko. Kajian telah menekankan kepentingan nilai sebuah organisasi dan pada sesetengah NPO, nilai adalah utama.

Dengan budaya organisasi dan nilai yang lemah, kecenderungan untuk mempercayai individu yang diragui di dalam dan luar lingkungan NPO boleh menyebabkan NPO terdedah kepada penyalahgunaan.



Amalan Terbaik Untuk Melindungi NPO



Integriti Organisasi

NPO pada amnya ditubuhkan dan beroperasi berpandukan dokumen pentadbiran seperti dokumen pemerbadanan, perlembagaan, peraturan, struktur, tatacara laporan, dan garispanduan untuk mematuhi undang-undang setempat.

Ahli-ahli Jawatankuasa pentadbiran NPO itu perlu memahami bahawa apa jua tindakan yang dibuat adalah demi kepentingan organisasi. Ahli-ahli jawatankuasa tersebut perlu membuat pengawasan ke atas organisasi mereka dengan mewujudkan polisi kewangan dan sumber manusia yang kukuh, kerap mengadakan mesyuarat atau perjumpaan, dan pemantauan aktiviti secara aktif.



Hubungan Rakan Gabungan

Sebelum sesebuah NPO membuat hubungan atau perjanjian dengan mana-mana pihak bagi tujuan memberi sumbangan atau menerima kewangan dari mana-mana individu atau organisasi, pemeriksaan yang sewajarnya hendaklah dilakukan untuk mengelakkan penyalahgunaan dana oleh rakan gabungan. NPO haruslah membuat pengesahan kredibiliti rakan gabungan melalui proses pemilihan dengan kriteria yang ditetapkan dan berusaha untuk mencari maklumat mengenainya di setiap platform termasuk senarai organisasi larangan di peringkat dalam negeri dan *UN Sanctions List*.

Perjanjian bertulis juga boleh digunakan untuk menggariskan jangkaan dan tanggungjawab kedua-dua pihak, termasuk maklumat terperinci mengenai permohonan dana dan keperluan untuk membuat laporan, audit dan lawatan.



Ketelusan Kewangan dan Tanggungjawab

NPO boleh menghalang penyalahgunaan kewangan dan sumber dan dana dengan mewujudkan kawalan dan prosedur kewangan yang kukuh. Sebagai contoh:

- Ahli-ahli Lembaga semasa meluluskan belanjawan tahunan hendaklah pada masa yang sama menyediakan proses untuk memantau penggunaan dana.
- Menyimpan dengan teratur dan lengkap rekod kewangan dari segi pendapatan dan perbelanjaan serta semua transaksi kewangan sepanjang operasi mereka, termasuk penggunaan dana.
- Menyatakan dengan jelas matlamat program semasa pengumpulan dana dan memastikan dana tersebut digunakan seperti yang dirancang.
- Maklumat mengenai aktiviti-aktiviti yang dijalankan boleh diperolehi oleh orang ramai dengan mudah.
- Mengetahui maklumat mengenai sumber pendapatan dan mewujudkan kriteria untuk menentukan sama ada sumbangan harus diterima atau ditolak.



Program Perancangan dan Pemantauan

NPO perlu mewujudkan sistem pengawalan dan pemantauan untuk memastikan semua dana dan perkhidmatan digunakan sebagaimana dimaksudkan. Sebagai contoh:

- Menyatakan dengan jelas tujuan dan skop aktiviti mereka, mengenal pasti kumpulan yang akan menerima bantuan dan mempertimbangkan risiko pembiayaan pengganas dan langkah-langkah pengurangan risiko sebelum menjalankan projek.
- Mengelakkan belanjawan terperinci bagi setiap projek dan menjana laporan tetap ke atas segala pembelian dan perbelanjaan yang berkaitan.
- Menyediakan prosedur untuk menjelak dana, perkhidmatan dan peralatan serta melakukan transaksi kewangan melalui sistem perbankan dengan telus untuk mengurangkan risiko pembiayaan pengganas.
- Pelaksanaan projek dipantau secara kerap dengan memastikan kumpulan penerima bantuan benar-benar wujud dan diterima oleh kumpulan tersebut.
- Mengambil langkah yang bersesuaian, berdasarkan risiko, untuk memastikan tanggungjawab terhadap dana atau perkhidmatan dilaksanakan

Tanda-tanda Risiko



Amaran awal dapat ditingkatkan dengan adanya tanda mengenai pembiayaan pengganas. Amaran tersebut dapat membantu mengurangkan risiko penyalahgunaan. Namun, tidak semua tanda-tanda risiko berkait sepenuhnya dengan pengganasan.

Tanda Risiko

Mengenal pasti sokongan berkaitan pengganasan yang berpotensi (dan boleh sahaja melibatkan isu-isu yang dikhuatir)

Tanda Penyalahgunaan NPO oleh Pengganas

Mengenal pasti tanda-tanda yang mempunyai hubungan kuat dengan kegiatan-kegiatan berkaitan pengganasan.



Dengan adanya tanda-tanda risiko mengenai penyalahgunaan NPO untuk pengganas ini, ianya dapat memberi lebih keyakinan bahawa sesuatu pertubuhan itu disalahgunakan atau mempunyai risiko berkaitan pengganasan.

Contoh Tanda Risiko

01

Dana-Dana NPO diagihkan kepada entiti-entiti yang tidak berkaitan dengan sebarang program atau aktiviti yang telah diisyiharkan sebelumnya.

Kelengkapan atau harta milik NPO dipindahkan atau digunakan dalam kawasan di mana entiti entiti pengganas diketahui beroperasi secara meluas.

02

Perbelanjaan NPO yang tidak seiring / selaras dengan program-program dan aktiviti-aktiviti yang diungkayahkan.

03

NPO tidak dapat mengenal pasti penggunaan sumber atau harta yang dimilikinya.

04

NPO tidak dapat mengenal pasti sumber bagi pendapatan yang diperolehnya.

05

NPO mempunyai ketidakseragaman pada laporan kewangan dan laporan-laporan penting lainnya.

06

Prasarana-prasarana NPO digunakan untuk menyelindungi kegiatan-kegiatan jenayah

07

Contoh Tanda Penyalahgunaan NPO oleh Pengganas

01

Dana-Dana NPO dipindahkan kepada entiti-entiti dipercayai terlibat, ataupun menyokong aktiviti-aktiviti pengganasan.

NPO menerima dana daripada entiti-entiti yang dipercayai terlibat dengan aktiviti-aktiviti pengganasan.

02

03

Sumber/harta NPO dikerahkan / dipindahkan kepada entiti yang diketahui terlibat, ataupun menyokong aktiviti-aktiviti pengganasan.

NPO menerima sumber/harta daripada entiti yang diketahui terlibat, ataupun menyokong aktiviti-aktiviti pengganasan.

04

05

NPO berkongsi hartaanah dengan organisasi yang dipercayai menyokong aktiviti-aktiviti pengganasan.

Identiti entiti-entiti penganas dalam senarai larangan didapati sama dengan identiti ahli-ahli jawatankuasa atau kakitangan sesebuah NPO.

06

07

Ahli-Ahli Jawatankuasa sesebuah NPO itu menghubungi dan mengarahkan ahli-ahli jawatankuasa organisasi lain yang dipercayai menyokong kegiatan pengganasan.

Contoh Tanda Penyalahgunaan NPO oleh Pengganas

08

NPO yang sedang menghadapi konflik dalaman, dimana satu kumpulan di dalam NPO tersebut didapati simpati dan aktif mendokong entiti-entiti pengganas.

Ahli-ahli jawatankuasa atau kakitangan NPO terlibat dengan aktiviti-aktiviti yang menyokong kepada pengambilan ahli-ahli bagi tujuan pengganasan.

09

10

Kegiatan jenayah yang konsisten dengan operasi-operasi pengganas diselindungi di dalam prasarana-prasarana milik NPO.

Ahli-ahli jawatankuasa atau kakitangan NPO terlibat dalam aktiviti-aktiviti jenayah namun konsisten dengan operasi-operasi pengganas.

11

Nota: Senarai Tanda Risiko dan Tanda Penyalahgunaan Pengganasan tidak hanya terhad pada kedua-dua senarai ini sahaja. Sila rujuk laporan ‘typologies’ FATF bertajuk ‘Risk of Terrorist Abuse in Non-Profit Organisations – June 2014’.

Ringkasan

Sektor NPO memainkan peranan yang sangat penting kepada komuniti setempat dan antarabangsa dengan daya usaha menjana pelbagai sumbangan dan perkhidmatan kepada kepada jutaan orang yang memerlukan bantuan tanpa kiraan. Walaupun sudah hampir 20 tahun sejak isu penyalahgunaan NPO oleh pengganas dan organisasi pengganas diiktiraf sebagai suatu isu yang membimbangkan, namun isu ini tetap kekal hingga sekarang, dimana masih lagi didapati NPO disalahguna dan dieksplotasi oleh entiti-entiti pengganas. Eksplotasi ini boleh sahaja menjelaskan kepercayaan orang awam terhadap sektor yang telah terbina untuk berbakti kepada masyarakat.

Pihak kerajaan kini menghadapi cabaran untuk menubuhkan mekanisma pemantauan dan penyeliaan yang bersesuaian dengan berpandukan risiko yang dikenalpasti, bagi melindungi NPO dari menjadi mangsa kepada penyalahgunaan bagi tujuan membiayai pengganasan. Garispanduan ini menumpu kepada meningkatkan kesedaran mengenai ancaman tersebut supaya NPO mampu mendirikan langkah berjaga-jaga dalam operasi harian masing-masing supaya dapat memastikan kedayatahanan dalam menghadapi ancaman penyalahgunaan pemberian penganaan.



*Garispanduan ini adalah berpandukan *The FATF's typologies report on the Risk of Terrorist Abuse in Non-Profit Organisations – June 2014*. dan *the FATF's Best Practices paper on Combating the Abuse of Non-Profit Organisations (Recommendations 8) – June 2015*

